# e-BULETIN JSKM

EDISI MAC 2025



## LAMBAIAN KASIH PERSAHABATAN

## RAHSIA ALAMI UNTUK KELEGAAN SAKIT KEPALA

## MENYEMAI MINAT, MENUAI KEJAYAAN

Perjalanan Seorang Pendidik

**Ts. Wan Anisha Wan Mohammad**

## ISTIMEWA ANAK SULUNG

eISSN 2637-0077

9772637007004

KELUARAN KE-13




## Sidang Redaksi:

**Ketua Editor**
Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

**Editor**
Ts. Jamal Othman
Pn. Siti Mariam Saad
Pn. Zuraira Libasin
En. Ahmad Rashidi Azudin

## Terbitan:

Universiti Teknologi MARA

**Unit Penerbitan e-Buletin**
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

# Isi Kandungan e-Buletin

Kata Pengantar Ketua Editor 01
Kata Pengantar Koordinator 02
Ucapan Khas Salam Aidilfitri 03
Menyemai Minat, Menuai Kejayaan 04
Laporan Aktiviti 05
Perkongsian 16
Puisi 69

# Kata Pengantar Ketua Editor














Jurugambar: Mohd Syafiq Abdul Rahman

*Syawal menjelma,*
*Tanda kemenangan jiwa...*

*Assalamu'alaikum,*

*Salam Sejahtera.*

*Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita sekali lagi diberi kesempatan untuk menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Dalam suasana yang penuh kemuliaan ini, kami dengan sukacitanya menerbitkan e-Buletin JSKM edisi ke-13. Ramadan ini mengajak kita semua merenung makna sebenar keikhlasan dalam pekerjaan, khususnya ketika menunaikan tanggungjawab di bulan yang penuh ujian dan ganjaran ini.*

*Ramadan bukan sekadar bulan menahan diri daripada makan dan minum, tetapi juga masa untuk kita memperkukuh nilai murni dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam dunia pekerjaan. Keikhlasan dalam bekerja bukan sahaja meningkatkan produktiviti tetapi juga menjadikan setiap usaha kita satu bentuk ibadah. Ketika menghadapi cabaran seperti keletihan dan kekangan masa, bekerja dengan hati yang ikhlas akan menjadikan setiap tugas lebih bermakna dan diberkati.*

*Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penulis, penyumbang, dan pembaca yang terus menyokong penerbitan e-buletin ini. Semoga bulan yang mulia ini menjadi medan untuk kita memperbaiki diri, meningkatkan keikhlasan dalam pekerjaan, dan meraih keberkatan yang berpanjangan. Selamat membaca dan selamat menyambut Syawal dari kami semua barisan editor!*

*Maaf zahir dan batin.*

*-Dr. Siti Nurleena Abu Mansor*

**Unit Penerbitan e-Buletin**
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang